

Usul (60): Riwayat-riwayat yang menyatakan wanita sebagai penyebab lelaki tidak masuk syurga, wanita punca ibadat kepada Allah tidak dilakukan sebagaimana sepatutnya, keberkatan terletak pada menyalahi wanita, ta'at kepada wanita membawa kepada penyesalan, pandangan wanita tidak boleh dituruti, malah mesti dicanggahi dan lain-lain seumpamanya tidak ada satu pun yang sahih. Paling tinggi pun ia dha'if sangat, kebanyakannya adalah maudhu'.

Contoh Pertama:

لَوْلَا الْمَرْأَةُ لَدَخَلَ الرَّجُلُ الْجَنَّةَ

Bermaksud: Kalau tidak kerana wanita, niscaya lelaki masuk syurga.

Rujukan:

As-Suyuthi – Jāmi' al-Ahādits j.18 m/s 202 & al-La'aali'u al-Mashnu'ah j.2 m/s 134, Al-'Ajaluni, Kasyf al-Khafa' j.2 m/s 217, 'Ali al-Muttaqi al-Hindi – Kanzul 'Ummāl j.16 m/s 285, al-Munāwi – Faidhul Qadīr Syarh al-Jāmi' as-Shaghīr j.5 m/s 436, al-Albāni – al-Jāmi' as-Shaghīr Wa Ziādatuh m/s 1032.

Komentar:

(1) Kesemua pengarang yang tersebut di dalam rujukan di atas menyebutkan hadits itu berpunca daripada ats-Tsaqafiyyāt karangan ats-Tsaqafi. As-Suyuthi mengemukakan sanadnya di dalam al-La'aali'u al-Mashnu'ah seperti berikut:

حَدَّثَنَا أَبُو الْفَرَجِ عَلَّامَانِ بْنُ أَحْمَدَ بْنِ إِسْحَاقَ الْبِزْجِيُّ حَدَّثَنَا مُحَمَّدُ بْنُ عَمْرِو حَفْصُ حَدَّثَنَا الْحَجَّاجُ بْنُ يُوسُفَ بْنِ قُتَيْبَةَ حَدَّثَنَا بَشَرُ بْنُ الْحُسَيْنِ عَنِ الرَّبِيعِ بْنِ عَدِيٍّ عَنْ أَنَسٍ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ...

Setelah mengemukakannya beliau berkata, "Bisyr (perawi) matrūk". Ibnu 'Arraaq al-Kinaani di dalam Tanzih as-Syari'ah al-Marfu'ah bahkan berkata, "Bisyr bin al-Husain itu seorang pendusta besar dan pereka hadits. Kerana itu haditsnya tidak boleh dijadikan sebagai syahid bagi hadits-hadits lain.

(2) Hadits (palsu) itu seolah-olahnya menyatakan satu-satunya sebab lelaki tidak masuk syurga adalah kerana wanita. Kerana wanitalah lelaki masuk neraka. Padahal bukankah lelaki juga masuk syurga kerana wanita? Kalau lelaki tidak dilahirkan oleh wanita,

bagaimana ia akan masuk syurga? Antara lelaki yang pasti akan masuk syurga adalah para nabi dan rasul. Mereka juga dilahirkan oleh wanita!

(3) Ia menampakkan seolah-olahnya wanita secara mutlaq merupakan sebab yang menghalang lelaki masuk syurga. Seolah-olahnya semua wanita itu jahat, tidak ada seorang pun daripada mereka baik dan boleh menyebabkan lelaki masuk syurga. Ini adalah suatu yang bercanggah dengan kenyataan dan bercanggah juga dengan ajaran agama Islam yang sebenar.

(4) Kalau yang dimaksudkan dengan wanita itu ialah wanita jahat, maka lelaki juga ada yang jahat. Kenapa tidak dikata pula "Kalau tidak kerana lelaki, niscaya wanita masuk syurga"?

(5) Manusia, baik lelaki mahupun wanita tidaklah masuk syurga atau neraka kerana makhluk yang berbeza jantina dengannya semata-mata. Banyak lagi sebab-sebab lain yang boleh membawa seseorang ke syurga atau ke neraka.

(6) Dosa berzina yang dilakukan oleh lelaki dan wanita sebagai contohnya, tidaklah menghalang lelaki sahaja daripada masuk syurga, ia juga menghalang wanita yang melakukannya daripada masuk syurga.

(7) Adakah kerana wanita seseorang lelaki tidak masuk syurga selama-lamanya? Itu tidak benar. Seseorang muslim biar bagaimana banyak dosanya yang melibatkan wanita, tetap juga akan masuk syurga setelah dihukum di dalam neraka atau kalau ia diampuni Allah s.w.t.

(8) Bukan wanita sahaja yang dapat menjadi penghalang lelaki masuk syurga, lelaki juga dapat menjadi penghalang wanita daripada memasukinya. Banyak lagi kesalahan-kesalahan atau dosa-dosa lain yang boleh menjadi penghalang manusia masuk syurga, baik lelaki ataupun wanita.

(9) Tidak benar juga kalau dikatakan wanitalah yang menjadi penghalang lelaki masuk syurga lebih awal, kerana dosa-dosa lain juga boleh menyebabkan seseorang terhalang daripada masuk syurga lebih awal daripada orang-orang lain.

(10) Kenyataan yang tersebut di dalam hadits itu terlalu umum, ia tidak menyatakan kenapa lelaki tidak masuk syurga kerana wanita?

Contoh Kedua:

لَا يُفَعِّلَنَّ أَحَدُكُمْ أَمْرًا حَتَّى يَسْتَشِيرَ، فَإِنْ لَمْ يَجِدْ مَنْ يَسْتَشِيرُهُ فَلْيَسْتَشِرْ امْرَأَةً ثُمَّ لِيُخَالِفْهَا، فَإِنْ فِي خِلَافِهَا الْبَرَكَةُ.

Bermaksud: Janganlah sekali-kali seseorang daripada kamu melakukan sesuatu perkara (penting) sebelum bermesyuarat. Jika ia tidak menemui orang untuk bermesyuarat, maka hendaklah ia bermesyuarat dengan mana-mana wanita, kemudian hendaklah ia menyalahi pendapatnya. Kerana pada menyalahi pendapatnya ada keberkatan.

Rujukan:

Al-'Irāqī + Ibnu as-Subki + az-Zabīdī – Takhrīj Ahādīts al-Iḥyā' j.2 m/s 980, As-Suyuthi - ad-Durar al-Muntsirah j.1 m/s 134, Al-'Ajaluni, Kasyf al-Khafaa' j.2 m/s 4, as-Sakhaawi- al-Maqaashidu al-Hasanah m/s 400, Mulla 'Ali al-Qāri - al-Asrār al-Marfū'ah m/s 222, asy-Syaukāni – al-Fawā'id al-Majmū'ah m/s 130, Muhammad Thahir bin 'Ali al-Fattani al-Hindi - Tazkiratu al-Maudhū'āt m/s 128.

Komentar:

(1) Sanad hadits contoh kedua di atas sebagaimana dikemukakan oleh as-Suyuthi dan lain-lain daripada riwayat Ibnu Lāl adalah seperti berikut:

حدثنا أبو العباس العسكري، حدثنا أحمد بن الوليد الفحام، حدثنا كثير بن هشام، حدثنا عيسى بن إبراهيم الهاشمي، عن عمر بن محمد، عن أنس مرفوعاً...

Di dalam sanad ini ada 'Isa bin Ibrahim seorang perawi yang sangat dha'if. Selain itu ia juga munqathi' (terputus). Demikianlah komen as-Sakhāwi, asy-Syaukāni dan lain-lain setelah mengemukakannya. Asy-Syaukāni juga berkata hadits itu jelas sekali karutnya.

(2) Lebih kurang sama juga dengan hadits contoh kedua di atas, walaupun ia lebih ringkas daripadanya, hadits berikut:

شاوروا هُنَّ وخالفوهنَّ

Bermaksud: Bermesyuaratlah dengan mereka (orang-orang perempuan), tetapi jangan dipakai pendapat mereka, sebaliknya pakailah pendapat yang menyalahi pendapat mereka.

Ini juga hadits yang mengarang dan tiada langsung asalnya. Demikianlah kata as-Suyuthi di dalam ad-Durar al-Muntatsirah (m/s 134), as-Sakhawi di dalam al-Maqāshidu al-Ĥasanah (m/s 400) dan al-Munāwi di dalam Faidhul Qadīr (j.4 m/s 263).

(3) Terdapat satu lagi riwayat yang dikaitkan dengan Saiyyidina 'Umar, kandungannya lebih kurang sama dengan hadits contoh kedua di atas, kononnya beliau telah berkata:

خَالِفُوا النِّسَاءَ فَإِنَّ فِي خِلَافِهِنَّ الْبَرَكَاتِ

Bermaksud: Buatlah keputusan yang menyalahi keputusan orang-orang perempuan, kerana pada menyalahi mereka ada keberkatan.

Di dalam kebanyakan kitab-kitab hadits maudhu', atsar 'Umar ini dikatakan terdapat di dalam Kitab al-Amtsāl karangan al-'Askari. Di dalam Mausū'ah Athrāf al-Ĥādīts pula dikatakan atsar itu terdapat di dalam Musnad ('Alī) Ibnu al-Ja'd (al-Jauhari) j.1 m/s 436, nombor haditsnya 2971. Demikian juga tersebut di dalam at-Tabwīb al-Maudhū'i Lil Ĥādīts m/s 7695.

Ia dikemukakan di dalam dua kitab tersebut lengkap dengan sanadnya seperti di bawah ini:

حَدَّثَنَا عَلِيُّ بْنُ أَبِي عَقِيلٍ عَنْ حَفْصِ بْنِ عُمَرَ بْنِ عَبْدِ اللَّهِ عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عُمَرَ قَالَ خَالِفُوا النِّسَاءَ فَإِنَّ فِي خِلَافِهِنَّ الْبَرَكَاتِ.

Selain matannya yang mungkar, di dalam sanadnya terdapat dua 'illat berikut:

(i) Ḥafsh bin 'Utsman, seorang perawi majhul. Hanya Abu 'Aqīl meriwayatkan hadits daripadanya.

(ii) Abu 'Aqīl, nama sebenarnya ialah Yahya bin al-Mutawakkil al-'Umari, murid dan maula Buhaiyyah. Dia adalah seorang perawi dha'if. Kebanyakan 'ulama' mendhaifkannya. Imam Ahmad berkata, "Dia seorang yang lemah haditsnya." Yahya bin Ma'in pula berkata, "Dia langsung tidak bernilai." (Lihat al-'Ilal al-Mutanāhiah j. m/s 163). Imam Ahmad juga berkata, "Dia meriwayatkan daripada segolongan orang yang aku tidak mengenali (mengetahui tentang) mereka." Hafizh Ibnu Hajar di dalam Fathul Bāri menulis, "Abu 'Aqīl Maula Buhaiyyah adalah perawi matruk." (Lihat Fathul Bāri j.3 m/s 246).

(4) Hadits yang dikemukakan sebagai contoh kedua itu dan hadits-hadits lain seumpamanya jelas mungkar dan maudhu'nya kerana bercanggah dengan al-Qur'an dan as-Sunnah.

Bukankan Allah s.w.t telah menceritakan bahawa Nabi Syu'aib a.s. telah menerima pandangan dan pendapat anak perempuannya tentang Nabi Musa a.s.? Lihat firman Allah berkenaan di bawah ini:

قَالَتْ إِحْدَاهُمَا يَا أَبَتِ اسْتَفْجِرْهُ إِنَّ خَيْرَ مَنِ اسْتَعْجَرْتُ الْقَوَى الْأَمِينَ ﴿٢٦﴾ قَالَ إني أريدُ أَنْ أُكَيِّحَكَ إِحْدَى ابْنَتَيَّ هَاتَيْنِ عَلَى أَنْ تَأْجُرَنِي فَمَنْيَ حِجِّجٍ فَإِنْ أَتَمَمْتَ عَشْرًا فَمِنْ عِنْدِكَ وَمَا أريدُ أَنْ أَشُقَّ عَلَيْكَ سَتَجِدُنِي إِنْ شَاءَ اللَّهُ مِنَ الصَّالِحِينَ ﴿٢٧﴾

﴿٢٦﴾

Bermaksud: Salah seorang di antara perempuan yang berdua itu berkata: "Wahai ayah, ambillah dia menjadi orang upahan (mengembala kambing kita), sesungguhnya sebaik-baik orang yang ayah ambil bekerja ialah orang yang kuat, lagi amanah". (26).

Bapa perempuan itu (Nabi Syu'aib a.s.) berkata (kepada Musa): "Aku hendak mengahwinkanmu dengan salah seorang dari dua anak perempuanku ini, dengan syarat bahawa engkau bekerja denganku selama delapan tahun; dalam pada itu, jika engkau genapkan menjadi sepuluh tahun, maka yang demikian itu adalah dari kerelaanmu sendiri. Dan (ingatlah) aku tidak bertujuan hendak menyusahkanmu; engkau akan dapati aku Insya Allah, dari orang-orang yang baik layanannya". (27). (al-Qashash: 26-27).

Bukankah Nabi s.a.w. sendiri telah menerima pandangan isterinya Ummu Salamah dalam peristiwa di Hudaibiah, apabila perintah Baginda supaya menyembelih binatang qurban, bercukur dan membuka ihram disambut dingin oleh para sahabatnya?

Setelah Ummu Salamah mencadangkan agar Nabi s.a.w. sendiri terlebih dahulu menyembelih binatang qurban yang dibawanya dan bercukur serta membuka ihram yang dipakainya di hadapan para sahabat sekalian, dan Baginda s.a.w. melaksanakan cadangan isterinya itu, teruslah semua mereka menurut. Tidak pula Nabi s.a.w. menyalahi pandangan dan cadangan isterinya Ummu Salamah pada ketika itu! (Lihat Sahih Bukhari j.5 m/s 365).

(5) Apa ertinya Nabi s.a.w. menganjurkan umatnya melakukan sesuatu yang sia-sia. Mesyuarat dengan wanita dianjurkan juga, tetapi keputusan yang diambil hendaklah yang menyalahi pendapatnya! Bagaimana kalau pendapatnya benar dan menepati ajaran Allah dan RasulNya?!

(6) Bagaimana dikatakan pada menyalahi pandangan dan pendapat wanita itu ada keberkatan? Adakah pendapat wanita itu selama-lamanya salah dan pendapat lelaki pula selama-lamanya benar? Kalau sudah pasti pendapat dan pandangan wanita tidak boleh diterima, sepatutnya tidak dianjurkan terus bermesyuarat dengannya! Untuk apa bermesyuarat dengan orang yang pendapatnya tidak hendak dipakai pun!!

(7) Bagaimana dalam keadaan seseorang wanita menjadi pengarah atau ketua dalam sesuatu pertubuhan, syarikat, jabatan, kementerian dan lain-lain.. Adakah dalam keadaan itu juga pendapat wanita harus diketepikan? Dan adakah orang-orang bawahannya dianjurkan juga menyalahi pendapat ketuanya semata-mata kerana ia wanita?

(8) Kerana hadits-hadits palsu seperti inilah Islam dipandang serong bukan sahaja oleh bukan Islam tetapi oleh orang-orang Islam sendiri. Satu golongan wanita Islam sampai menjadi mesra dengan golongan liberal. Benih-benih keraguan terhadap Islam mula berputik di dalam hati-hati mereka. Sedangkan mereka tidak mengetahui bahawa ajaran-ajaran seperti itu bukanlah berpunca daripada ajaran Islam yang sebenar, ajaran Islam yang dibawa oleh Rasulullah s.a.w. Sebaliknya ia berpunca daripada hadits-hadits palsu seperti ini.

(9) Seandainya dikatakan, perempuan kebanyakannya lemah akal, dan hadits itu hanya menceritakan tentang kebanyakan wanita, bukan semua mereka, maka zahirnya tidak menunjukkan kebanyakan atau sebahagian sahaja daripada mereka, malah semua sekali golongan wanita. Kalau yang dimaksudkan sebenarnya hanyalah sebahagian wanita, maka kelemahan akal itu tidak khusus lagi dengan wanita, kerana lelaki juga ramai yang lemah akal. Adakah bermesyuarat dengan lelaki yang lemah akal juga mendatangkan keberkatan?

(10) Hadits-hadits seperti itulah yang mempengaruhi pemikiran segolongan umat Islam di serata dunia. Ia telah mengakibatkan golongan wanita dianggap tidak penting dalam pembangunan masyarakat. Mereka tidak diberi peluang seperti lelaki untuk memegang

jawatan-jawatan yang penting dalam negara. Di sesetengah negara, mereka bahkan tidak diberi peluang untuk belajar lebih tinggi dari lelaki!

(11) Atas sebab-sebab itulah para 'ulama' hadits menghukum hadits contoh kedua dan hadits-hadits lain seumpamanya sebagai karut dan maudhu'.

Contoh Ketiga:

لَوْلَا النِّسَاءُ لَعَبَدَ اللَّهُ حَقًّا حَقًّا

Bermaksud: Jika tidak kerana wanita, niscaya Allah disembah dengan sebenar-benarnya.

Rujukan:

Ibnu 'Adi – al-Kāmil Fi Dhu'fā' ar-Rijāl j.6 m/s 495, Ibnu al-Jauzi – al-Maudhū'āt j.2 m/s 255, as-Suyuthi - al-La'aali'u al-Mashnu'ah j.2 m/s 134, Al-'Ajaluni, Kasyfu al-Khafaa' j.2 m/s 194, asy-Syaukaani- al-Fawaa'idu al-Majmu'ah m/s 119, as-Suyuthi – al-Jāmi' as-Shaghīr j.2 m/s 244, Ibnu 'Arraq al-Kinaani – Tanzih as-Syari'ah al-Marfu'ah j.2 m/s 202, al-Albaani- Silsilatu al-Ahaditsi ad-Dha'iifah Wa al-Maudhu'ah j.1 m/s 139.

Komentar:

(1) Ibnu 'Adi meriwayatkannya dengan sanad di bawah ini:

حَدَّثَنَا يَعْقُوبُ بْنُ يُونُسَ بْنِ عَاصِمٍ الْبَخَارِيُّ ، حَدَّثَنَا مُحَمَّدُ بْنُ عِمْرَانَ الْهَمْدَانِيُّ ، حَدَّثَنَا عِيسَى بْنُ زِيَادٍ الدُّورَقِيُّ ، وَهُوَ مِنْ أَهْلِ هَمْدَانَ ، وَهُوَ صَاحِبُ بْنُ غَيْنَةَ ، قَالَ : حَدَّثَنَا عَبْدُ الرَّحِيمِ بْنُ زَيْدٍ الْعَمِيُّ ، عَنْ أَبِيهِ عَنْ سَعِيدِ بْنِ الْمُسَيْبِ عَنْ عُمَرَ بْنِ الْخَطَّابِ ، قَالَ : قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ...

Setelah mengemukakannya Ibnu 'Adi berkata, "Ini adalah hadits mungkar. Aku tidak mengetahuinya melainkan melalui saluran ini sahaja."

(2) Ibnu al-Jauzi juga mengemukakannya dengan sanad Ibnu 'Adi di atas. Setelah mengemukakannya Ibnu al-Jauzi berkata, "Hadits ini tiada langsung asalnya. Di dalam sanadnya ada 'Abdur Rahim bin Zaid al-'Ammi. Kata Yahya (bin Ma'in), "Dia dan ayahnya langsung tiada nilai". Pada ketika yang lain pula Yahya berkata, "'Abdur Rahim seorang pendusta besar dan seorang yang jahat".

An-Nasaa'i berkata, "Dia (perawi) matrūkul ḥadīths". Ibnu 'Adi berkata, "Ini adalah hadits munkar. Aku tidak mengetahuinya melainkan melalui saluran ini sahaja". Semua haditsnya tidak turut diriwayatkan oleh perawi-perawi yang tsiqāt. Kata Ahmad bin Ḥambal, "Tidak boleh berhujah dengan (hadits) Zaid". Bukhari berkata, "Muhammad bin 'Imraan (salah seorang perawinya) munkarul ḥadīths. Para 'ulama' hadits mempertikai kedudukannya."

(3) As-Suyuthi juga di dalam al-La'aali'u al-Mashnu'ah mengemukakan hadits itu dengan sanad Ibnu 'Adi di atas. Setelah mengemukakannya beliau berkata, "Tiada langsung asalnya. 'Abdur Rahim dan ayahnya matrūk kedua-duanya. Muhammad bin 'Imraan pula munkarul ḥadīths." Kemudian beliau membawa pula komentar Ibnu 'Adi sendiri terhadapnya. Lalu berkata, "Ia mempunyai syahid. Ats-Tsaqafi di dalam ats-Tsaqafiyyāt meriwayatkan, katanya:

حدثنا أبو الفرج عثمان بن أحمد بن إسحاق اليزجي حدثنا محمد بن عمر حفص حدثنا الحجاج بن يوسف بن قتيبة
حدثنا بشر بن الحسين عن الزبير بن عدي عن أنس قال قال رسول الله ﷺ لو لا المرأة لدخل الرجل الجنة.

Hadits yang dibentangkan oleh as-Suyuthi ini sebagai syahid bagi hadits contoh ketiga adalah hadits yang dikemukakan oleh penulis sebelum ini sebagai contoh pertama. Keadaannya telah anda lihat di sana.

Setelah mengemukakannya as-Suyuthi hanya berkata, "Bisyr matrūk." Hadits yang dikemukakan oleh as-Suyuthi ini sebagai syahid bagi hadits contoh ketiga sebenarnya tidak sesuai dibawa sebagai syahid, kerana kandungan kedua-duanya berlainan sama sekali. Ia juga langsung tidak dapat menguatkan hadits contoh ketiga.

Pengarang at-Tanwīr Syarḥ al-Jāmi' as-Shaghīr (Muhammad bin Isma'īl al-Amīr as-Shan'āni m.1182H) dan lain-lain pensyarah al-Jāmi' as-Shaghīr pula mengatakan syahid yang dimaksudkan oleh as-Suyuthi bagi hadits contoh ketiga itu sebenarnya ialah hadits yang dikemukakan oleh as-Suyuthi di dalam kitab al-Jāmi' as-Shaghīr selepas hadits ketiga yang penulis kemukakan di atas sebagai contoh ketiga. Lafaznya ialah:

لو لا النساء لعبد الله حق عبادته

Bermaksud: Kalau tidak kerana wanita, niscaya Allah disembah dengan sebenar-benar penyembahan.

Hadits inilah sebetulnya yang dikatakan syahid oleh as-Suyuthi itu. Setelah membentangkannya as-Suyuthi menulis: (فر) عن أنس (ض). Maksudnya ialah hadits itu diriwayatkan daripada Anas di dalam kitab Musnad al-Firdaus oleh ad-Dailami. Dan ia bertaraf dha'if.

Pengarang at-Tanwîr menulis, "Di dalam sanadnya juga ada Bisyr bin al-Husain. Adz-Dzahabi menukulkan kata-kata ad-Daraquthni bahawa dia matrūk."

Ibnu 'Arrāq di dalam Tanzîh asy-Syari'ah (j.2 m/s 204) tidak berpuas hati dengan hukuman yang diberikan oleh as-Suyuthi terhadap Bisyr. Beliau berkata, "Bisyr itu bahkan pendusta besar dan pereka hadits. Maka haditsnya tidak layak menjadi syahid."

(4) Apa ertinya Nabi s.a.w. bersabda, "Jika tidak kerana wanita, niscaya Allah disembah dengan sebenar-benarnya."? Siapakah yang dimaksudkan dengan wanita itu? Adakah semua wanita? Zahirnya menunjukkan begitu maksudnya. Kalau semua wanitalah yang dimaksudkan, maka apakah para nabi termasuklah Nabi kita Muhammad s.a.w. telah tidak menyembah Allah dengan sebenar-benarnya dalam kehidupan mereka? Kerana mereka juga mempunyai isteri-isteri.

(5) Apakah Islam lebih menghendaki golongan lelaki tidak berkahwin supaya mereka dapat beribadah kepada Allah dengan sebenar-benarnya? Kalau begitu, kenapa Rasulullah mempunyai sampai sembilan orang isteri dalam satu masa? Dan kenapa Baginda menggalakkan umatnya supaya berkahwin dalam sekian banyak hadits?

(6) Kenapa kesalahan selalu diletakkan di atas pundak wanita, padahal lelaki juga sama? Kalau lelaki tidak dapat beribadah kepada Allah dengan sebenar-benarnya kerana wanita, wanita juga tidak dapat beribadah kepada Allah kerana lelaki. Kenapa pula tidak dikatakan sebaliknya?

(7) Hadits-hadits seperti ini sebetulnya telah diada-adakan oleh golongan zindiq dan musuh-musuh Islam untuk memusnahkan imej Islam. Konsep kepaderian dan kesamian (رهانية) cuba diseludup masuk ke dalam Islam melalui hadits-hadits palsu seperti ini.

(8) Orang-orang yang mengetahui ajaran Islam sebenar melalui al-Qur'an dan as-Sunnah tidak akan terkeliru dan tertipu dengan hadits-hadits seperti itu. Lihat sebagai contohnya bagaimana al-Qur'an meletakkan wanita bersama-sama lelaki dalam bermacam-macam ketaatan dan ibadat kepada Allah. Allah berfirman:

إِنَّ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ وَالْقَانِتِينَ وَالْقَانِتَاتِ وَالصَّادِقِينَ وَالصَّادِقَاتِ وَالصَّابِرِينَ وَالصَّابِرَاتِ وَالْخَاشِعِينَ وَالْخَاشِعَاتِ وَالْمُتَصَدِّقِينَ وَالْمُتَصَدِّقَاتِ وَالصَّامِينَ وَالصَّامَاتِ وَالْحَافِظِينَ وَالْحَافِظَاتِ وَالذَّاكِرِينَ اللَّهَ كَثِيرًا وَالذَّاكِرَاتِ أَعَدَّ اللَّهُ لَهُمْ مَغْفِرَةً وَأَجْرًا عَظِيمًا ﴿٣٥﴾

Bermaksud: Sesungguhnya orang-orang lelaki yang Islam serta orang-orang perempuan yang Islam, dan orang-orang lelaki yang beriman serta orang-orang perempuan yang beriman, dan orang-orang lelaki yang taat serta orang-orang perempuan yang taat, dan orang-orang lelaki yang benar serta orang-orang perempuan yang benar, dan orang-orang lelaki yang sabar serta orang-orang perempuan yang sabar, dan orang-orang lelaki yang merendah diri (kepada Allah) serta orang-orang perempuan yang merendah diri (kepada Allah), dan orang-orang lelaki yang bersedekah serta orang-orang perempuan yang bersedekah, dan orang-orang lelaki yang berpuasa serta orang-orang perempuan yang berpuasa, dan orang-orang lelaki yang memelihara kehormatannya serta orang-orang perempuan yang memelihara kehormatannya, dan orang-orang lelaki yang menyebut nama Allah banyak-banyak serta orang-orang perempuan yang menyebut nama Allah banyak-banyak, Allah telah menyediakan bagi mereka semuanya keampunan dan pahala yang besar. (al-Ahẓāb:35).

Kalau wanita telah disebut Allah dengan sifat-sifat dan amalan-amalan yang mulia di dalam ayat ini sama seperti lelaki, kenapa pula Rasulullah akan bersabda: "Kalau tidak kerana wanita, niscaya Allah disembah dengan sebenarnya-benarnya."

Hadits di bawah ini pula cukup untuk menolak hadits-hadits karut dan maudhu' seperti hadits contoh ketiga itu. Baginda bersabda:

الدُّنْيَا مَتَاعٌ، وَخَيْرُ مَتَاعِ الدُّنْيَا الْمَرْأَةُ الصَّالِحَةُ.

Bermaksud: Dunia ini adalah sesuatu yang menyeronokkan dan menggembirkan. Dan sebaik-baik benda dunia yang menyeronokkan dan menggembirkan ialah wanita yang saleh. (Hadits riwayat Muslim, Ahmad, an-Nasaa'i, Ibnu Hibbaan dan lain-lain).